

## Kementerian, agensi ambil langkah segera pastikan keselamatan Keluarga Malaysia - PM



Anggota keselamatan membantu mangsa banjir di Kuala Lumpur pada Isnin.

**SHAH ALAM** - Susulan kejadian banjir kilat yang berlaku di beberapa lokasi di Lembah Klang, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan bahawa kementerian dan agensi telah mengambil langkah segera bagi memastikan keselamatan Keluarga Malaysia.

Beliau berkata, beberapa kawasan di Kuala Lumpur telah dilanda banjir kilat dan dinaiki air pada Isnin.

Ismail Sabri dalam masa sama menasihati orang ramai

agar mengelakkan diri daripada melalui kawasan yang terlibat dengan banjir kilat.

“Elak melalui kawasan banjir kilat dan berhati-hati memandu sewaktu hujan,” katanya menerusi ciapan di Twitter pada Isnin.

Menerusi gambar tular di media sosial, beberapa kenderaan yang diletakkan bersebelahan bangunan Institut Biologi Molekul Perubatan UKM (UMBI) kelihatan ditenggelami banjir.

Selaras dengan itu, tero-

wong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART) juga ditutup sepenuhnya sebagai persediaan operasi banjir.

Banjir yang melanda rae-nyaksikan ribuan kereta yang diletakkan di parkir terbuka dan bawah tanah dalam bangunan sekitar ibu kota ini turut ditenggelami air banjir.

Jabatan Meteorologi Malaysia pada Ahad juga telah mengeluarkan amaran mengenai kemungkinan banjir kilat di Petaling Jaya, Klang dan Shah Akim.